

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), kedudukan 4 orang rakyat Malaysia yang diculik dipercayai masih ditahan di selatan Filipina dan mereka sehingga kini masih lagi hidup. Usaha-usaha sedang dijalankan dengan kerjasama pihak berkuasa Filipina untuk menyelamatkan tebusan berkenaan.

Bagi menjawab soalan (b) Kerajaan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan keadaan keselamatan terus terjamin. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan antaranya ialah penambahan 250 anggota polis, penambahan aset iaitu 92 buah bot dan pemasangan kamera keselamatan (*big eye*) oleh SKMM. Selain itu, pihak polis juga telah meningkatkan risikan keselamatan yang turut diperkuuhkan menerusi risikan keselamatan oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi-agensi lain yang berkaitan termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN). Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2015 telah diluluskan dan menerusi perisyitiharan penguatkuasaan kawasan keselamatan di Kawasan Timur Sabah yang dicadangkan oleh MKN dan ATM, maka benteng pertahanan negara akan diperhebatkan lagi. Semua tindakan diambil bagi memastikan keselamatan di Sabah terus terjamin dan rakyat tidak merasa bimbang.